

26/08/1999

Mahathir masih ingin jadi Perdana Menteri

PUTRAJAYA, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau masih ingin menjadi Perdana Menteri dalam masa terdekat ini.

"Ya... masih ingin," katanya kepada soalan seorang pemberita Indonesia yang bertanya sama ada beliau ingin terus menjadi Perdana Menteri selepas pilihan raya nanti.

Dr Mahathir berkata demikian pada sidang akhbar bersama Presiden Indonesia B J Habibie, selepas mengadakan pertemuan di sini hari ini.

Kepada satu lagi soalan dari wartawan Indonesia, Perdana Menteri berkata beliau belum membuat keputusan bila akan mengadakan pilihan raya umum.

"Ya..lah, saya akan bagi tahu bila tiba masanya. Namun, semua orang boleh membuat spekulasi (tarikh pilihan raya). Saya akan beritahu apabila masanya tiba," katanya.

Dr Mahathir dan Habibie sebelum itu mengadakan pertemuan empat mata diikuti mesyuarat delegasi kerajaan Malaysia dan Indonesia.

Habibie mengetuai rombongan 80 orang dalam lawatan kerja sehari ke Malaysia sebagai susulan kepada pertemuan mereka di Batam, Indonesia, Mei lalu.

Dr Mahathir berkata, desas-desus mengatakan beliau akan membubarkan Parlimen sekembalinya dari lawatan rasmi tiga hari ke China baru-baru ini adalah spekulasi semata-mata.

"Semua orang berhak buat spekulasi. Saya balik dari China patut adakan pilihan raya, (bekas Perdana Menteri sebelum ini) Tun Razak balik dari China dia adakan pilihan raya," katanya.

Ditanya apakah kes melarikan dokumen rahsia kerajaan di luar negara oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim dan penyokongnya, termasuk ke Indonesia, turut dibincangkan dalam mesyuarat berkenaan, Dr Mahathir berkata:

"Tidak ada dibincangkan. Itu perkara dalaman Malaysia. Kita tidak bincang masalah dalaman negara masing-masing," katanya.

Sementara itu, Habibie ketika ditanya sama ada beliau masih bersimpati dengan Anwar berkata: "Saya tiada apa nak kata. Saya banyak kerja lain untuk dibuat di negara saya".

"Saya ke sini bukan untuk tujuan itu, tetapi untuk merapatkan hubungan. Saya amat yakin di Malaysia ada undang-undang," katanya.

(END)